

Headline **Kembar seiring**
Date **19. Oct 2008**
Media Title **Metro Ahad**
Section **Setempat**
Circulation **342444**
Readership **2583000**

Language **MALAY**
Page No **16**
Article Size **243 cm2**
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue



Kembar seiring



FOTO | L Manimaran

BERJAYA... pasangan kembar Nor Erita dan Nor Erina.



AINI MARINA... bapa jadi model.

Bersama sejak sekolah hingga universiti

>>Oleh **FUAD HADINATA**
YAACOB

hadinata@hmetro.com.my

SERDANG: "Sejak sekolah rendah, menengah, matrikulasi hingga ke universiti, kami seperti tidak dapat dipisahkan, mungkin ia kebetulan.

"Malah ketika memilih universiti, UPM (Universiti Putra Malaysia) adalah pilihan kedua saya manakala adik ketiga, tetapi kami ber-

dua akhirnya diterima di sini, sekali gus menamatkan pengajian dan konvokesyen bersama," kata Nor Erina Mohamad Yunan, 22, mengenai kembarnya, Nor Erita, yang berjaya menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UPM ke-32, bermula di sini, semalam.

Menurut anak kedua daripada empat beradik itu, mereka pernah berpisah dan keadaan itu tidak menimbulkan masalah.

"Kami tidak kisah berpisah, namun seperti sudah jodoh, dipertemukan semula. Malah, jika adik saya kena asma, saya pun akan kena selepas itu," katanya yang menerima Ijazah Sarjana Muda Kimia Industri pada konvokesyen kali ini.

Bagi Nor Erita pula, sepanjang menuntut di UPM, mereka jarang bertemu kerana berbeza jurusan dan pada awal pengajian sering berlaku kekeliruan di kalangan rakan.

"Kakak menuntut di Fakulti Sains manakala saya Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, jadi kami jarang berjumpa.

"Namun ramai rakan keliru mengenai kami, ada yang kata saya Erina, ada juga kata kakak saya Erita," katanya yang menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Bioperubatan.

Dalam konvokesyen bermula semalam hingga 22 Oktober ini, 7,846 graduan menerima ijazah, termasuk ijazah kehormat, doktor falsafah, sarjana, sarjana muda dan diploma.

Sultan Selangor yang juga Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berke-

nan menyampaikan ijazah doktor falsafah (PhD), sarjana, sarjana muda dan diploma kepada graduan sesi pertama.

Pada konvokesyen itu juga, baginda menganugerahkan Ijazah Kehormat Ekonomi kepada Setiausaha Agung Asean, Dr Surin Pitsuwan, dan PhD dalam bidang Komunikasi Kemanusiaan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Satu lagi pasangan kembar, Nurul Hafiza Muda, 23, berkata kejayaan itu kenangan paling manis bagi mereka, apatah lagi belajar di fakulti sama dan kini mengajar di sekolah sama di Terengganu.

"Saya mengambil jurusan Sains dengan Pendidikan Matematik manakala adik, Nurul Hanifa pula Pendidikan Fizik. Mungkin rezeki kami berdua, dari mula isi borang hingga sampai bekerja, kami masih bersama," katanya yang kini mengajar di Sekolah Kebangsaan Mengabung Telipot, Terengganu.

Penerima Anugerah Pingat Emas Canselor, Aini Marina Ma'rof, 23, berkata bapanya yang juga pensyarah kanan di universiti berkenaan menjadi pendorong kejayaannya.

"Tidak pernah terlintas di fikiran untuk menerima anugerah ini, namun saya menjadikan bapa sebagai model. Ayah tidak tegas dalam mendidik anak, tetapi saya memang bercita-cita menjadi sepertinya," katanya yang menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (TESL) dengan mencatat purata nilai gred kumulatif 3.92.